

Memastikan persekitaran teratur

PENYUSUNAN semula bazar Ramadan tahun ini bukan sekadar perubahan kosmetik tetapi satu langkah strategik untuk memastikan aliran pengunjung yang lancar dan persekitaran perniagaan lebih teratur.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Wilayah Persekutuan), **Datuk Seri Dr Zaliha Mustafa** menegaskan bahawa perubahan ini adalah sebahagian daripada usaha jangka panjang Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL).

Ini katanya bagi meningkatkan pengalaman peniaga dan pelanggan termasuk memberi peluang sama rata kepada pekedai khususnya di Bazar Aidilfitri Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR).

“Langkah ini dilakukan supaya susunan khemah lebih tersusun dan mengelakkan struktur tambahan yang boleh mengganggu peniaga lain.

“Ia juga dapat memberikan peluang kepada peniaga-peniaga yang meniaga di lot-lot kedai di kawasan tersebut untuk meraih pendapatan tambahan ketika bulan Ramadan,” katanya selepas sesi lawatan di Bazar Ramadan Lorong Tuanku Abdul Rahman (TAR).

Lawatan itu turut disertai Menteri Kewangan II, Datuk Seri Amir Hamzah Azizan.

Menurut Zaliha, beliau turut menepis dakwaan bahawa pengurusan bazar kali ini lemah berikutan beberapa insiden serta situasi luar jangkaan yang menyumbang keresahan peniaga.



ZALIHA dan Amir Hamzah mengambil maklum aduan peniaga Bazar Ramadan Lorong Tuanku Abdul Rahman.

Katanya, antara langkah lain yang diperkenalkan tahun ini adalah pengurangan bayaran lesen bazar kepada RM500 untuk peniaga makanan dan minuman.

“Jika kita memberi bantuan lesen RM500 dan mengurangkan caj perniagaan yang sebelum ini

terlalu tinggi, adakah itu dianggap gagal?” soalnya.

Beliau turut menjelaskan perbezaan kadar caj antara bazar Ramadan dan bazar Aidilfitri bagi mengelakkan kekeliruan.

“Bagi bazar Aidilfitri, caj RM2,700 sebenarnya merangkumi wang

cagaran RM2,000 yang akan dikembalikan. Peniaga hanya perlu membayar RM700,” katanya.

Sementara itu, jelas beliau, caj elektrik RM450 yang dikenakan oleh persatuan peniaga bertujuan memastikan bekalan elektrik lebih stabil dan selamat, berbanding

kaedah lama yang menggunakan sumber kedai berhampiran atau generator.

“Kini, peniaga hanya perlu membayar RM15 sehari untuk sistem elektrik yang lebih tersusun,” katanya.

Mengulas mengenai kejadian ribut yang menyebabkan kerosakan khemah, Zaliha menegaskan bahawa pihaknya telah bertindak segera dengan menggantikan khemah baharu untuk memastikan peniaga dapat meneruskan perniagaan tanpa gangguan.

“Kejadian berlaku sebelum Maghrib akibat angin kencang sehingga 70 km/j, namun khemah baharu diedarkan dengan segera bagi memastikan kelangsungan operasi peniaga,” katanya.

Beliau turut mengakui terdapat aduan mengenai kualiti khemah dan memberi jaminan bahawa penambahbaikan akan dilakukan, termasuk menggalakkan penggunaan pemberat khemah serta bekerjasama dengan Jabatan Meteorologi Malaysia bagi mendapatkan ramalan cuaca lebih awal.

Zaliha berharap isu pengurusan bazar tahun ini dapat dinilai secara objektif dan tidak dipengaruhi sentimen semata-mata setelah pelbagai langkah penambahbaikan yang sedang dijalankan.

“Peniaga sendiri lebih memahami realiti di lapangan, jadi kita harus mengelakkan fitnah, terutama dalam bulan Ramadan ini,” katanya.